

Tun Daim buat pusingan U hentam GST

BH 4/5

➔ Bekas Menteri Kewangan tak sepatut langgar prinsip demi Dr Mahathir



PRU14

#jomundi

Oleh Farah Marshita Abdul Patah dan Julia Fiona
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Daim Zainuddin membuat pusingan U berhubung kenyataannya mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) apabila menyokong pakatan pembangkang.

Timbalan Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN), Datuk Eric See-To Choong, berkata sebagai seorang yang berpengalaman dan mengetahui selok-belok kewangan dan bank, Daim sebenarnya mengetahui kebaikan pelaksanaan GST.

Sebaliknya, beliau berkata, tindakan Daim menghentam GST adalah bercanggah dengan logik dan prinsipnya hanya kerana beliau kini berada di pihak Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Anehnya apabila GST dilaksa-

nakan tiga tahun lalu, beliau antara seorang yang menyokong dan memberitahu mahu melaksanakan GST ketika menjadi Menteri Kewangan.

"Berpolitik lidah bercabang ini tanpa menghiraukan ekonomi negara adalah tidak sihat," katanya ketika dihubungi NSTP, di sini, semalam.

Bantu ekonomi negara

Beliau berkata, GST boleh mengurangkan cukai pendapatan apabila turun dua mata peratusan dan memanfaatkan golongan pertengahan serta membantu ekonomi negara.

"GST juga memainkan peranan dalam mengurangkan pengeluaran aliran keluar dana modal negara secara haram melalui salah laku perdagangan," katanya.

Selasa lalu, Daim ketika berceramah untuk PKR di Parlimen Pendang menyindir bahawa akronim GST bermaksud 'govern-



Berpolitik lidah bercabang ini tanpa menghiraukan ekonomi negara adalah tidak sihat"

Eric See-To Choong,
Timbalan Pengarah
Komunikasi Strategik BN

ment suka tipu'.

Bagaimanapun, dalam sebuah video berdurasi seminit yang dimuat naik ke laman Youtube pada Januari 2015, beliau sendiri mengakui mahu memperkenalkan GST ketika memegang jawatan Menteri Kewangan pada 1984.

Dalam video itu, beliau memberitahu mahu memperkenalkan GST kerana pendapatan negara yang diperoleh daripada PETRONAS hanya 40 peratus dan jumlah itu terlalu kecil.

"Esok kalau ada masalah, mana nak cari duit untuk berbelanja. Ini adalah cukai penggunaan dan cukai saksama ...kalau tak mahu banyak cukai, jangan berbelanja," katanya.

Daim yang memegang jawatan Menteri Kewangan dari 1984 hingga 1991 berkata, GST memberikan banyak pelepasan cukai.

Katanya, beliau mahu melaksanakan GST sejak 1984 dan 1985 lagi.